

Headline	Lari berselimut		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	01 Mar 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	2	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	270 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,264
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,792



Lari berselimut

Sindiket pelacuran ubah taktik beroperasi di hotel pinggir bandar raya

Salman Hamat

JOHOR BAHRU: Gara-gara asyik melayan pelanggan, seorang wanita yang disyaki terbabit dengan aktiviti persundalan dan masih berbogel hanya sempat menarik selimut menutup badannya selepas bilik di sebuah hotel bajet di Johor Jaya di sini, yang dijadikan sarang pelacuran diserbu pihak berkuasa, kelmarin.

Dalam serbuan jam 4.30 petang itu, wanita warga Vietnam itu enggan memberi kerjasama apabila tidak mahu mengikut arahan diberikan ketika diminta menyerahkan dokumen perjalanan untuk pemeriksaan lanjut.

Turut ditahan dalam operasi sama dua rakan senegara wanita terbabit yang dipercayai terbabit dengan aktiviti persundalan di hotel sama.

Seorang daripada wanita itu cuba bersembunyi di sebalik pintu, namun taktik berkenaan tidak menjadi, malah wajahnya pucat sebelum menangi sejeurus dicekup pihak berkuasa.

Pegawai Turus Cawangan Kongsi Gelap Maksiat dan Perjudian (D7), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor, Deputi Superintendan Mohammad Abd Hamid berkata,



TANGKAP..seorang pelacur cuba melepaskan diri dalam serbuan, kelmarin.

sindiket persundalan itu dipercayai menawarkan khidmat wanita warga Vietnam berusia 20-an kepada lelaki hidung belang dengan harga RM150 bagi sekali perkhidmatan seks.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut menemui kondom termasuk yang sudah digunakan serta gel pelincir dipercayai bagi melakukan seks.

"Bagi mengelak kegiatan mereka dikesan pihak ber-

kuasa, sindiket itu dipercayai mengubah taktik dengan menjadikan hotel bajet di pinggir bandar raya ini sebagai lokasi baru.

"Kami sentiasa peka dengan pelbagai taktik digunakan sindiket itu dan hasilnya, satu pusat persundalan dikesan dan diserbu," katanya.

Katanya, usaha kini dijalankan untuk mencari bapa ayam terbabit dan berdasarkan risikan, individu berke-

naan akan dapat diberkas tidak lama lagi.

Menurutnya, berdasarkan siasatan awal, sindiket berkenaan dipercayai baru menjalankan aktiviti tidak bermoral di hotel berkenaan beberapa bulan lalu.

"Semua wanita terbabit memasuki negara ini menggunakan pas lawatan sosial, namun menyalahgunakannya untuk terbabit aktiviti tidak bermoral," katanya.